

WINAMOL NIGHT PAIN TABLETS

Paracetamol/ Diphenhydramine Hydrochloride (500mg/25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan WINAMOL NIGHT PAIN
2. Bagaimana WINAMOL NIGHT PAIN berfungsi
3. Sebelum mengambil WINAMOL NIGHT PAIN
4. Cara mengambil WINAMOL NIGHT PAIN
5. Semasa menggunakan WINAMOL NIGHT PAIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan

Digunakan sebagai rawatan jangka pendek untuk kesakitan sewaktu tidur, seperti kesakitan pada sendi dan otot, sakit belakang, sakit gigi, migrain, sakit kepala dan kesakitan ketika datang haid yang menyebabkan kesukaran untuk tidur.

Bagaimana berfungsi

Ia mengandungi paracetamol dan diphenhydramine hydrochloride. Paracetamol adalah analgesik yang berfungsi untuk mengurangkan demam dan melegakan kesakitan manakala diphenhydramine hydrochloride adalah antihistamin yang membantu merawat reaksi alahan.

Sebelum menggunakan WINAMOL NIGHT PAIN

-Bila tidak boleh menggunakan

Beritahu doktor anda sebelum mengambil WINAMOL NIGHT PAIN jika anda:

- alergic kepada paracetamol, diphenhydramine hydrochloride atau bahan-bahan lain.
- Mempunyai *Porphyria* (penyakit hati yang memberi kesan negatif pada kulit dan sistem saraf.

-Mengandung dan penyusuan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan anak. WINAMOL NIGHT PAIN

hanya boleh digunakan semasa mengandung jika faedah yang dijangka kepada ibu adalah lebih besar daripada sebarang risiko kepada janin.

Tidak boleh digunakan ketika penyusuan tanpa sebarang nasihat perubatan.

-Sebelum menggunakan ubat ini

- Tidak boleh digunakan bersama penyediaan lain yang mengandungi antihistamin termasuk yang digunakan pada kulit.
- Dos terendah yang diperlukan untuk mencapai efikasi perlu digunakan untuk rawatan yang paling pendek.
- Tidak sesuai untuk kanak-kanak di bawah 16 tahun kecuali dengan nasihat doktor.
- Pesakit tidak boleh mengambil tablet ini melebihi 7 malam tanpa nasihat doktor.
- Warga emas: tidak boleh diambil oleh warga emas yang mengalami kekeliruan. Antihistamin mungkin menyebabkan kekeliruan dan keterujaan paradokikal kepada warga emas.
- Gunakan dengan berhati-hati kepada individu yang mengalami kemerosotan hati dan ginjal di tahap sederhana atau lebih.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan WINAMOL NIGHT PAIN mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi.

Anda perlu berbincang dengan doktor anda atau ahli farmasi jika anda menggunakan ubat berikut:

- Metoclopramide, domperidone atau colestyramine.
- Flucloxacillin

- central nervous system depressants (cth. codeine, tranquilizers, hypnotics dan anxiolytics)
- Antihistamin lain.
- Monoamine Oxidase inhibitors (MAOIs)
- Ubat antikolinergik (cth. atropine dan tricyclic antidepressants)
- Cytochrome p450 isoenzyme CYP2D6 (cth. metoprolol dan venlafaxine)

Cara mengambil WINAMOL NIGHT PAIN

-Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan WINAMOL NIGHT PAIN seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

Dos biasa

Dewasa (termasuk warga emas) dan kanak-kanak berumur 16 tahun ke atas:

Ambil 2 tablet 20 minit sebelum waktu tidur. Dos maksimum: 2 tablet (1000mg paracetamol, 50mg diphenhydramine hydrochloride) dalam masa 24 jam.

Produk lain yang mengandungi paracetamol boleh diambil untuk melegakan kesakitan di siang hari tetapi dengan dos yang kurang daripada 6 tablet dalam masa 24 jam. Dos tidak boleh diulang lebih kerap daripada empat jam.

-Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan WINAMOL NIGHT PAIN seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir

WINAMOL NIGHT PAIN TABLETS

Paracetamol/ Diphenhydramine Hydrochloride (500mg/25mg)

masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan WINAMOL NIGHT PAIN

-Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom berterusan selepas mengambil ubat ini.
- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan WINAMOL NIGHT PAIN.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi WINAMOL NIGHT PAIN dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Boleh menyebabkan mengantuk, pening, penglihatan kabur dan menjejaskan fungsi kognitif dan psikomotor yang mempengaruhi kebolehan inividu untuk memandu dan mengendalikan mesin. Jika terkesan, mereka tidak boleh memandu atau mengendalikan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika simptom berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Produk ini mengandungi Paracetamol.

Jangan mengambil produk lain yang mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

Amaran alahan: Paracetamol boleh menyebabkan tindak balas kulit yang teruk. Gejala mungkin termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam.

Beritahu doktor anda jika anda melihat mana-mana kesan sampingan biasa berikut atau melihat sebarang kesan lain yang tidak disenaraikan:

- bilangan kiraan platelet dan sel darah putih yang rendah dalam darah.
- hipersensitiviti dan tindak balas alahan.
- semput, batuk
- disfungsi hati
- keletihan
- sedasi, mengantuk, pening
- mulut kering
- lebihan ion yang tidak dinilai

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan WINAMOL NIGHT PAIN

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan

lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet dwilapisan berbentuk bujur berwarna putih di bahagian atas dan berwarna biru di bahagian bawah.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Paracetamol dan Diphenhydramine hydrochloride

- Bahan-bahan tidak aktif

Colloidal Anhydrous Silica, Microcrystalline Cellulose, Sodium Benzoate, Pregelatinized Starch, Povidone K25, Stearic Acid dan Brilliant Blue (Lake)

-MAL number

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

14/10/2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/051